

## Pemahaman Belia Malaysia terhadap Kepentingan dan Peranan Institusi Raja-Raja Melayu: Kajian Tinjauan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

*Understanding of Malaysian youth on the Importance and Role of the Malay Rulers' Institution:  
A Survey among Students of the Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*

NORHAFIZA MOHD HED, MOHD AIDIL AZREL ZAABAR, NURUL FIRDAUZ ABD RAHMAN & NUR AZEAN ABD RAHIM

### ABSTRAK

*Institusi raja di Malaysia merupakan institusi yang sangat penting di Malaysia yang diamalkan sejak dahulu sehingga kini. Namun, masyarakat sering beranggapan bahawa institusi ini hanya memainkan peranan simbolik tanpa memberikan impak ke atas sosiopolitik di Malaysia. Oleh itu, kajian ini meninjau tahap pemahaman mahasiswa terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak mudah dalam talian kepada 332 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pemahaman mahasiswa berada pada tahap yang tinggi di mana kesemua pernyataan berkaitan peranan institusi ini mendapat nilai skor min melebihi 2.34. Selain itu, faktor utama yang mempengaruhi pemahaman mahasiswa terhadap institusi ini adalah bacaan buku Perlembagaan, pendidikan formal awal yang diterima dari guru dan dokumentari berkaitan di televisyen. Hasil kajian mendapati cara terbaik meningkatkan tahap pemahaman mahasiswa adalah menerusi pendedahan tentang institusi ini di media dan mengadakan lawatan sambil belajar ke Istana dan Muzium Di-Raja serta memperbanyakkan pameran tradisi Raja-raja Melayu. Secara keseluruhan, kajian ini memberi gambaran bahawa belia khususnya di UPSI cakna tentang peranan dan kepentingan institusi raja. Namun, mereka perlu didedahkan dengan pembelajaran berdasarkan pengalaman bagi memastikan mereka sentiasa peka terhadap perubahan semasa yang berlaku dalam institusi raja di Malaysia.*

*Kata Kunci:* belia; institusi raja-raja Melayu; pemahaman; kepentingan; peranan

### ABSTRACT

*The Institution of Malay Rulers in Malaysia is a very important institution that has been practiced since ancient times until now. However, the public often perceives this institution as playing a symbolic role without significant impact on socio-politics in Malaysia. Therefore, this study examines the level of understanding among students regarding the importance and role of the Malay Rulers' institution. The study was conducted using a quantitative method through a randomly distributed online questionnaire to 332 students at Universiti Pendidikan Sultan Idris. Findings indicate that the students' understanding is at a high level, as all statements related to the role of this institution received mean scores exceeding 2.34. Furthermore, the main factors influencing students' understanding of this institution are reading the Constitution, early formal education received from teachers, and relevant documentaries on television. The study found that the best way to enhance students' understanding is through exposure to information about this institution in the media, organizing educational visits to the Palace and Royal Museum, and increasing exhibitions on the traditions of the Malay Rulers. Overall, the study provides an overview that the youth, particularly at UPSI, have a good understanding of the role and importance of the Rulers' institution. However, they need to be exposed to experiential learning to ensure they remain aware of the current changes happening within the Malay Rulers' institution in Malaysia.*

*Keywords:* youth; Institution of Malay Rulers; understanding; importance; role

## PENGENALAN

Institusi raja telah lama wujud dalam sistem sosial di negara ini sejak berkurun lamanya (Nazri, 2013). Tradisi sistem kerajaan Melayu beraja di Malaysia yang ada pada hari ini adalah kesinambungan daripada Kerajaan Melayu Melaka. Dalam sistem beraja ini, raja adalah pemerintah berdaulat yang mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah negeri-negerinya dan rakyat yang bernaung di bawahnya. Raja juga adalah penyusun adat istiadat, pentadbir kerajaan, pemelihara imej Islam dengan mengamalkan undang-undang syariah Islam (Ramlah & Noormaizatul Akmar, 2013). Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, institusi Yang di-Pertuan Agong (YDPA) telah ditubuhkan di mana YDPA dan timbalannya dipilih oleh sembilan Raja-raja Melayu mengikut tarikh menaiki takhta (Mohd Sufiean, 2013). Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai ramai sultan dan mengamalkan sistem penggiliran dalam pelantikan YDPA setiap lima tahun sekali bagi mengekalkan identiti negara bangsa (Raja Nazrin Shah, 2013). Dalam konteks Raja Perlembagaan di Malaysia, raja-raja tiada lagi kuasa untuk melantik pemerintah atau kerajaan kerana hak ini telah diberikan kepada rakyat untuk memilih wakil mereka bagi mentadbir negara menerusi pilihan raya. Namun begitu, Perlembagaan telah memperuntukkan dengan jelas beberapa bidang kuasa institusi raja, khususnya YDPA. Misalnya, Perlembagaan Persekutuan Perkara 32 telah memperuntukkan YDPA sebagai ketua negara bagi Persekutuan.

Walaupun ramai yang berpandangan bahawa institusi raja hanya ketua simbolik dan hanya memainkan ritual keagamaan dan adat istiadat Melayu (Abdul Aziz, 2015), namun jelas apabila berlakunya polemik politik dalam negara baru-baru ini susulan daripada perletakan jawatan Perdana Menteri, Tun Mahathir pada 24 Februari 2020, ia mula membuka mata masyarakat akan kepentingan institusi raja dalam menjamin kestabilan negara. Oleh itu, institusi raja ini sebenarnya memainkan peranan penting sebagai penimbang tara dalam mendamaikan sebarang bentuk perselisihan dan kemelut politik negara (Ramlah & Noormaizatul Akmar, 2013). Namun begitu, masih ramai lagi masyarakat khususnya golongan belia yang tidak memahami dengan jelas tentang kedudukan, peranan dan sumbangan institusi raja ini sehingga ada di antara mereka yang secara terang-terangan menghina kedaulatan Sultan dan institusi raja di media sosial.

Wujud golongan dalam masyarakat yang dikenali sebagai ‘anti-Sultan’ yang banyak menggunakan media sosial dan internet seperti *Facebook*, *Twitter* dan blogspot sebagai platform untuk menyuarakan pandangan, kritikan dan ketidakpuasan hati mereka terhadap institusi raja. Misalnya, terdapat beberapa kes penghinaan institusi raja di media sosial yang telah mendapat pendakwaan sewajarnya. Antaranya, kes menghina Sultan Perak di laman web yang berlaku pada tahun 2009. Beberapa pengunjung portal tersebut telah bertindak menulis komen lucah dan menggunakan bahasa kesat kepada Sultan Perak di laman web tersebut ekoran daripada krisis politik yang berlaku pada waktu itu. Akibatnya, kesemua mereka didakwa di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM 50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali (Wan Amizah & Muhammad Adnan, 2017). Contoh kes ini menunjukkan bahawa institusi raja yang berdaulat ini sering dihina dan diperlekehkan oleh masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk memberi kesedaran dan memperbaiki pemikiran negatif masyarakat, khususnya golongan muda tentang institusi raja.

Ramai sarjana yang berpandangan bahawa masyarakat, khususnya golongan muda tidak memahami dan menghayati sejarah pembentukan institusi raja, konsep Raja Berperlembagaan dan Rukun Negara (Sidek Baba, 2012, 24 September). Akibat kurangnya pengetahuan dan penghayatan tentang institusi raja ini menyebabkan timbulnya rasa tidak hormat, kecaman dan penghinaan ke atas YDPA, Sultan-sultan Melayu dan kerabatnya. Persoalannya, adakah benar

masyarakat, khususnya belia tidak mempunyai pengetahuan luas dan kesedaran tentang pentingnya institusi raja di Malaysia?

Jika dilihat, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memberi pendedahan kepada belia tentang kepentingan institusi raja di Malaysia. Misalnya, kerajaan telah memperkenalkan sibus berkaitan Perlembagaan dalam subjek Sejarah dan Pengajian Am di peringkat sekolah, dan Pengajian Malaysia atau Kenegaraan di peringkat pengajian tinggi. Malah, terdapat banyak kajian yang dilakukan sarjana yang mengkaji tentang pemahaman masyarakat terhadap institusi raja di Malaysia (Contohnya, kajian Ramlah & Noormaizatul Akmar, 2013; Hanum et al., 2014; Khairul Hamimah & Faridah, 2017; Hanum, & Nurul Ashikin, 2020). Namun begitu, kebanyakan kajian-kajian ini hanya memfokuskan kepada persepsi dan tahap pengetahuan masyarakat tentang institusi ini tanpa menumpukan kepada cara atau mekanisme terbaik bagi meningkatkan pemahaman mahasiswa tentang kedudukan, peranan dan sumbangan institusi raja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidiki tahap pemahaman belia, khususnya di UPSI terhadap kepentingan dan peranan Institusi raja-raja Melayu, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pemahaman mereka serta menganalisis mekanisme terbaik untuk meningkatkan pemahaman mahasiswa UPSI terhadap institusi raja-raja Melayu di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian ilmiah yang mengkaji tentang persepsi masyarakat terhadap kedudukan dan peranan institusi raja oleh sarjana semakin berkembang dan banyak menumpukan kepada pelbagai isu melibatkan raja dan rakyat. Namun kajian-kajian yang dilaksanakan oleh sarjana hanya memfokuskan kepada tahap pengetahuan masyarakat, pelaksanaan sistem beraja, sejarah, geopolitik dan isu yang berkaitan dengan institusi raja. Misalnya, kajian Ramlah dan Noormaizatul Akmar (2013) adalah berkaitan persepsi rakyat Kedah dan Perlis terhadap institusi raja di Malaysia. Menerusi kajian yang dijalankan melibatkan 177 orang rakyat Perlis dan 159 rakyat Kedah dengan menggunakan soalan yang sama mendapati satu keadaan persepsi yang berbeza-beza di antara kaum, lokasi tempat tinggal, taraf pendidikan yang diterima, pendedahan dan harapan mereka terhadap institusi beraja di Malaysia. Kajian juga mendapati golongan yang bekerja dan pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap institusi raja di Malaysia. Hasil kajian mendapati majoriti rakyat Perlis dan Kedah menunjukkan reaksi yang positif terhadap institusi raja di Malaysia dan kebanyakan masyarakat memahami akan konsep pengamalan sistem beraja di negara ini. Penduduk di kedua-dua negeri sedar akan kepentingan dan tanggungjawab Sultan atau Raja khusus dalam bidang tertentu. Masyarakat Melayu di kedua negeri ini dikatakan mempunyai persepsi yang baik terhadap institusi ini.

Selain itu, kajian yang dilakukan terhadap institusi raja-raja dalam kalangan generasi muda dan mahasiswa kurang dibincangkan secara menyeluruh. Namun terdapat beberapa isu yang sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan sarjana dan pengkaji yang membuat kajian. Dalam kajian Hanum et.al (2014) yang bertajuk reaksi Generasi Y terhadap isu menghina institusi raja: Kajian ke atas pelajar IPT memberi gambaran bahawa isu menghina raja ini adalah satu perkara yang serius. Kajian yang dilakukan lebih kepada untuk mengetahui pengetahuan dan kefahaman generasi muda khusus pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sedia maklum merupakan antara generasi muda yang memiliki kebolehan dan peluang berada di institusi pengajian selain mengenal pasti persepsi dan reaksi pelajar terhadap isu yang menghina institusi raja-raja Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan seramai 10 orang responden yang

terdiri daripada pelajar IPT di negeri utara Malaysia. Kajian yang dilakukan ini memberi fokus untuk mengetahui pemahaman dan pengetahuan mahasiswa yang tergolong dalam generasi Y. Kajian dijalankan terhadap pelajar yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India yang kebanyakannya daripada Universiti Utara Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa generasi Y sedar akan kepentingan institusi raja yang mempunyai peranan yang tinggi dalam menjaga kestabilan dan keamanan negara. Pendapat yang dinyatakan oleh responden kebanyakannya menyatakan bahawa institusi raja perlu dilindungi dan dihormati kerana nilai sejarah dan kepentingan dalam pemupukan masyarakat majmuk di Malaysia. Isu penghinaan yang berlaku dapat memberi kesan yang sangat besar kepada masyarakat dan menghakis perasaan hormat kepada institusi raja-raja di Malaysia. Isu penghinaan ini juga harus ditangani dengan sebaik mungkin. Peranan generasi muda juga amat diperlukan dan kefahaman yang baik hendaklah dipupuk kerana mereka antara kelompok penting dalam usaha menyedarkan Masyarakat untuk menghormati dan menyanjung institusi beraja.

Selain itu, kajian yang dijalankan juga mempunyai persamaan dengan kajian Khairul Hamimah & Faridah (2017) yang bertajuk Persepsi dan Rasa Hormat Mahasiswa terhadap Institusi raja-Raja di Lembah Klang. Pendekatan yang dibawa oleh kajian ini berbeza dengan kajian terhadap isu penghinaan raja-raja. Kajian mengenai persepsi mahasiswa terhadap institusi raja ini diberi penekanan yang penting oleh pengkaji untuk melihat sejauhmanakah pengetahuan mahasiswa. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Seramai 120 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Malaya terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan analisis SPSS bentuk deskriptif. Hasil kajian mendapati responden yang terlibat dalam kajian mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kepentingan institusi raja-raja. Rasa hormat dalam kalangan mahasiswa juga tinggi dengan menyatakan setiap fungsi raja dengan baik serta mengetahui tanggungjawab yang dijalankan oleh raja-raja Melayu. Kajian ini juga mempunyai perkaitan dengan kajian yang dikaji oleh pengkaji dengan menumpukan kepada aspek pemahaman dan pengetahuan mahasiswa.

Kajian Zulayti et al. (2022) berbeza dengan kajian-kajian di atas kerana kajian ini menyelidiki kuasa dan kedudukan sebenar raja-raja Melayu dalam konteks sejarah dan perundangan. Dengan menggunakan analisis dokumen primer dari teks-teks sejarah watan, termasuk Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), Hikayat Raja-raja Pasai, Hikayat Aceh, Hikayat Melayu Siak, Tuhfat al-Nafis, Undang-Undang 99 Perak, Bustanul-Salatin, dan Thamarat al-Muhibbah, kajian ini mendapati fungsi Raja-raja Melayu dari dulu sehingga kini hanya tertakluk kepada lima fungsi iaitu memberi pengampunan, mengisytihar perang, menjatuhkan hukuman mati, menentukan hubungan luar (antarabangsa) dan pemilik kedaulatan. Walaupun kajian ini lebih menumpukan kepada aspek Sejarah, namun iaanya penting bagi memberi gambaran sebenar berkaitan peranan yang dimainkan oleh institusi beraja di Malaysia.

Kajian Rositah (2023), Nur Amalina et al. (2024) dan Khairul Azhar et al. (2020) pula memfokuskan kepada penyalahgunaan isu-isu sensitif berkait dengan 3R (Race, Religion, Royalty) dalam masyarakat. Walaupun telah banyak tindakan yang diambil kerajaan menerusi penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, namun sentimen 3R ini tetap dimainkan di media sosial, terutamanya menjelang pilihan raya. Kajian-kajian ini juga menegaskan bahawa kegagalan menguruskan isu 3R ini dengan baik akan menjelaskan perpaduan dan keharmonian negara.

Kesemua kajian-kajian lepas di atas adalah menyentuh kepada pelbagai aspek mengenai isu 3R terutamanya institusi raja-raja dan mempunyai perkaitan dengan pemahaman masyarakat

khususnya golongan muda. Kesemua kajian ini sangat berharga dalam menyediakan latar bagi kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas yang dijalankan hanya mengkaji peranan raja dalam beberapa aspek misalnya dalam perlumbagaan, masyarakat Malaysia, dalam institusi politik dan sejarah. Tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap pemahaman dan pengetahuan melibatkan mahasiswa terhadap kepentingan institusi raja di Malaysia. Oleh itu, tanpa mengurangkan dapatan kajian-kajian lepas, kajian ini akan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai pemahaman mahasiswa UPSI terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu dan mencari solusi terbaik dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mahasiswa mengenai kedudukan dan peranan institusi raja di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik secara dalam talian yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan demografi mahasiswa seperti latar belakang responden, mengukur tahap kefahaman mahasiswa UPSI mengenai institusi raja-raja Melayu. Pemilihan mahasiswa UPSI sebagai responden kajian adalah kerana kelompok ini terdiri daripada mereka yang masih menuntut dalam pengajian tinggi, mempunyai sudut pemikiran yang tinggi dan merupakan bakal pendidik. Menurut Muhamad Ali & Ahmad Faiz (2005), mahasiswa di Pusat Pengajaran Tinggi merujuk kepada segolongan individu yang mengikuti proses pendidikan yang tersusun dan terancang.

Seramai 332 responden telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti, kursus dan latar belakang etnik yang sukarela untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Penentuan bilangan responden adalah berdasarkan kepada saiz sampel purata piawaian seperti yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970). Data yang diperoleh dari soal selidik ini dianalisis secara analisis deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) 27.0. Analisis deskriptif iaitu peratusan dan min digunakan bagi menghuraikan tahap pemahaman mahasiswa, faktor-faktor dalam mempengaruhi tahap pemahaman dan cara terbaik meningkatkan tahap pemahaman.

JADUAL 1. Ciri-ciri Sosiodemografi

(N=332)	%	%	%	%	%
<b>Jantina</b>	Lelaki (43.4)	Perempuan (56.6)			
<b>Umur</b>	19 (1.9)	20 (29.4)	21 (42.9)	22 (17.4)	23 (8.4)
<b>Kumpulan Etnik</b>	Melayu / Bumiputera Sabah & Sarawak (91)	Cina (3.5)	India (3.3)	Lain-lain (2.2)	
<b>Bidang</b>	Sains (18.6)	Sains Sosial (12.3)	Seni & Kemanusiaan (69.1)		
<b>Tahun Pengajian</b>	1 (61.3)	2 (37.2)	3 (0.9)	4 (0.6)	
<b>Mengikuti Kursus</b>	Yes (59.8)	No (40.2)			
<b>Kenegaraan</b>					

Jika dilihat di dalam analisis demografi, bilangan mahasiswa perempuan melebihi jumlah mahasiswa lelaki sebanyak 13.2% kerana mahasiswa perempuan di UPSI adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Manakala, bagi umur, kategori 21 tahun adalah lebih tinggi kerana majoriti mereka adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam lingkungan umur 19 hingga 23 tahun. Kumpulan

etnik tertinggi ialah Melayu atau Bumiputera Sabah dan Sarawak yang juga merupakan kelompok etnik tertinggi di UPSI. Bagi bidang pengajian, lebih dari separuh responden merupakan pelajar dalam bidang seni dan kemanusiaan seperti seni kreatif, bahasa dan muzik. Kebanyakan responden juga merupakan pelajar tahun pertama dan telah mengikuti kursus Pengajian Kenegaraan. Kursus Pengajian Kenegaraan ialah kursus wajib universiti yang memfokuskan kepada aspek pemerintahan, politik dan masyarakat di Malaysia.

## ANALISIS DAPATAN

Bahagian ini menganalisis dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan secara dalam talian kepada mahasiswa UPSI. Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap pemahaman mahasiswa UPSI terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu. Analisis skor min bagi skala Likert 3-point diinterpretasikan berdasarkan kajian Sekaran (1992) iaitu skor min 1.00 – 1.67 adalah rendah, 1.68 – 2.33 adalah sederhana, manakala 2.34 – 3.00 adalah tinggi.

JADUAL 2. Analisis Min Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Kepentingan dan Peranan Institusi raja-Raja Melayu (N=332)

Item	T	TP	Y	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
<b>B1.</b> YDPA sebagai Ketua Agama Islam	7	7	152	2.87	.443	Tinggi
<b>B2.</b> Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar pemerintah negeri di Malaysia	6	6	154	2.89	.412	Tinggi
<b>B3.</b> YDPA berkuasa perkenan undang-undang	9	10	147	2.83	.500	Tinggi
<b>B4.</b> Institusi raja lambang perpaduan rakyat	11	22	133	2.73	.574	Tinggi
<b>B5.</b> Perkara 38 Perlembagaan peruntuk fungsi MRR	7	50	109	2.61	.568	Tinggi
<b>B6.</b> Perkara 32 Perlembagaan menyatakan SPB Agong Ketua Negara	12	59	95	2.50	.630	Tinggi
<b>B7.</b> MRR peranan pilih YDPA DAN TYDPA	11	17	138	2.77	.561	Tinggi
<b>B8.</b> Kepentingan raja terkandung dalam Rukun Negara	10	27	129	2.72	.570	Tinggi
<b>B9.</b> Sistem penggiliran YDPA terunik di dunia	9	46	111	2.61	.589	Tinggi
<b>B10.</b> Tempoh jawatan YDPA 5 tahun	6	20	140	2.81	.479	Tinggi
<b>B11.</b> YDPA berhak tidak perkenan bubar Parlimen	16	17	133	2.70	.635	Tinggi
<b>B12.</b> YDPA kompenen utama Parlimen	9	27	130	2.73	.555	Tinggi
Min keseluruhan				2.84	.528	Tinggi

Secara keseluruhannya, mahasiswa UPSI mempunyai tahap pemahaman yang tinggi berkaitan dengan kepentingan dan peranan institusi raja-raja (min: 2.84; s.p.:528). Analisis tahap pemahaman ini menggunakan analisis min untuk melihat tahap pemahaman mahasiswa. Bagi analisis ini, min yang dikenal pasti adalah tinggi bagi semua soalan yang dinyatakan. Ini menunjukkan mahasiswa mempunyai tahap pemahaman baik. Bagi soalan B1 Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam mencatatkan nilai min 2.87 (s.p: 443) manakala B2 sultan, raja dan Yang di-Pertuan Besar sebagai pemerintah negeri mencatatkan bacaan min 2.89(s.p:412). Seterusnya, bagi soalan B3 Yang di-Pertuan Agong berkuasa memperkenankan undang-undang merekodkan bacaan nilai min tinggi 2.83(s.p:500). Bagi soalan B4 institusi raja lambang perpaduan rakyat Malaysia mencatatkan bacaan min 2.73 (s.p:574). Analisis min diteruskan lagi dengan soalan B5 Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan dan B6 Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan merekodkan bacaan min 2.61 (s.p: 568) dan 2.50 (s.p: 630) .Seterusnya, bagi soalan B7 majlis raja-raja berperanan dalam memilih YDPA dan Timbalan YDPA mencatatkan nilai bacaan min 2.77(s.p: 561) manakala bagi soalan B8 kepentingan institusi raja-raja terkandung dalam Rukun Negara bacaan min 2.72 (s.p: 570). Seterusnya, bagi soalan B9 sistem penggiliran jawatan bagi YDPA dan soalan B10 tempoh YDPA memegang jawatan masing-masing merekodkan bacaan min 2.61 (s.p: 589) dan 2.81 (s.p: 479). Bagi soalan B11 dan soalan akhir B12 berkaitan Yang di-Pertuan Agong berhak untuk tidak memperkenankan permintaan membubarkan parlimen dan sebagai kompenen utama institusi Parlimen Malaysia merekodkan nilai bacaan min 2.70 (s.p : 635) dan 2.73 (s.p: 555). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa mahasiswa UPSI mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh Institusi raja-raja Melayu di Malaysia.

JADUAL 3. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Kepentingan dan Peranan institusi raja-raja Melayu

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
C1. Peranan ibu bapa menerangkan kepentingan institusi raja	5	3	17	81	60	4.13	.891	Tinggi
C2. Pendidikan awal yang dilaksanakan oleh guru	5	0	9	63	89	4.39	.844	Tinggi
C3. Program berkaitan institusi raja di televisyen	5	2	5	65	89	4.39	.858	Tinggi
C4. Mengikuti platform media sosial	5	6	14	61	80	4.23	.966	Tinggi
C5. Topik dalam silibus universiti	7	4	10	59	86	4.28	.990	Tinggi
C6. Melalui buku perlembagaan	4	3	6	62	91	4.40	.846	Tinggi
C7. Menghadiri symposium/ wacana.	5	3	21	67	70	4.17	.932	Tinggi
C8. Golongan pemimpin politik/bukan politik.	5	5	18	56	82	4.23	.972	Tinggi
C9. Membaca bahan berkaitan institusi raja-raja	4	2	11	66	83	4.33	.850	Tinggi
C10. Mempunyai minat yang mendalam	6	5	14	59	82	4.24	.986	Tinggi

<b>C11.</b> Sering mengikuti program YDPA, raja dan sultan	11	14	30	44	62	3.83	1.211	Sederhana Tinggi
<b>C12.</b> Pengaruh rakan-rakan	7	9	25	61	64	4.00	1.067	Sederhana Tinggi

---

Jadual 3 menjelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pemahaman mahasiswa terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu. Oleh itu, kerangka konsepsual sosialisasi politik digunakan bagi membangunkan item-item dalam soal selidik ini. Menurut Neundorf dan Smets (2015), sosialisasi politik adalah proses di mana individu dalam masyarakat memperoleh pengetahuan, sikap, dan keterampilan politik yang diperlukan untuk berpartisipasi dalam kehidupan politik. Proses ini dimulai sejak masa kanak-kanak dan terus berlanjutan sepanjang kehidupan seseorang melalui interaksi dengan lingkungan sosialnya, termasuk keluarga, sekolah, media massa, dan kelompok sosial. Terdapat beberapa agen penting sosialisasi politik iaitu keluarga, sekolah, rakan sebaya atau kelompok sosial, media massa termasuk media sosial serta kerajaan. Bagi objektif ini, analisis skor bagi skala Likert 5-point telah diinterpretasi mengikut kajian Chua (2006) iaitu 1.0 hingga 2.0 adalah rendah, 2.1 hingga 3.0 adalah sederhana rendah, 3.1 hingga 4.0 adalah sederhana tinggi dan 4.1 hingga 5.0 adalah tinggi.

Secara keseluruhannya, faktor utama yang mendorong mahasiswa UPSI untuk memperoleh pemahaman yang tinggi tentang kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu ialah menerusi media massa dan institusi pendidikan. Jika dianalisis, bahan bacaan utama seperti buku Perlembagaan Persekutuan memberi manfaat yang besar dalam mengukuhkan pemahaman mahasiswa UPSI tentang bidang kuasa institusi raja-raja Melayu (min: 4.40; s.p.: .846). Selain itu, pendidikan formal yang diberikan di institusi pendidikan juga banyak membantu dalam mempertingkatkan pemahaman mahasiswa terhadap peranan institusi di-Raja (min: 3.98; s.p.: .858). Seterusnya, program, aktiviti dan dokumentari berkaitan peranan institusi raja-raja Melayu yang dipromosikan di televisyen juga berjaya meningkatkan pengetahuan belia, khususnya mahasiswa. Faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan pemahaman mahasiswa UPSI terhadap peranan dan kepentingan institusi raja ialah peranan ibu bapa yang mencatatkan min tinggi iaitu sebanyak 4.13 (s.p: .891), penggunaan platform media sosial sebagai medium untuk mengakses maklumat (min: 4.23; s.p: .966), topik yang terkandung dalam silibus subjek di universiti (min: 4.2; s.p: .900), menghadiri simposium atau program wacana (min: 4.17; s.p: .932), peranan golongan pemimpin politik mahupun bukan politik dalam memberi maklumat tentang institusi ini (min: 4.23; s.p: .972), membaca bahan berkaitan institusi raja-raja (min: 4.34; s.p: .850) serta mempunyai minat yang mendalam tentang institusi ini (min: 4.24; s.p: .986). Walau bagaimanapun, pengaruh rakan sebaya atau kumpulan sosial serta sering mengikuti program yang dihadiri oleh YDPA, sultan atau raja berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min <4.10 dengan sisihan piawai melebihi 1.200.

Jadual 4 di bawah membincangkan mekanisme terbaik untuk meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu menerusi analisis skor min. Analisis skor min bagi skala Likert 5-point telah diinterpretasi mengikut kajian Chua (2006) iaitu 1.0 hingga 2.0 adalah rendah, 2.1 hingga 3.0 adalah sederhana rendah, 3.1 hingga 4.0 adalah sederhana tinggi dan 4.1 hingga 5.0 adalah tinggi. Secara keseluruhannya, nilai skor min bagi kesemua item berada pada tahap tinggi iaitu melebihi  $> 4.1$  skor, kecuali bagi item D10 iaitu mewajibkan mahasiswa lulus subjek yang berkaitan dengan institusi raja-raja yang mencatatkan tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.96 (s.p: 1119). Dapatkan menunjukkan mekanisme utama yang memperolehi nilai skor min tertinggi adalah item D7 iaitu memperbanyakkan program

dokumentari berkaitan dengan institusi raja di media massa terutamanya televisyen (min: 4.47; s.p: 760) dan item D8 iaitu mengadakan lawatan sambil belajar ke Muzium atau istana raja-raja di Malaysia bagi merasai pembelajaran secara pengalaman (experiential learning) dalam meningkatkan kecaknaan dan pemahaman mahasiswa tentang kepentingan dan kedudukan raja-raja Melayu. Selain itu, menghadiri pameran institusi raja (min: 4.38; s.p: .798), memperbanyak penulisan-penulisan berkaitan institusi raja di dalam akhbar dan majalah (min: 4.33; s.p: .861), serta mengikuti perkembangan institusi ini di dalam media sosial atau laman sesawang (min: 4.32; s.p: .860) juga mendapat nilai skor lima tertinggi bagi mekanisme efektif untuk memperkuuhkan pemahaman mahasiswa UPSI kepada peranan institusi beraja di Malaysia. Manakala, bagi item lain seperti menambah silibus dan topik berkaitan institusi raja di dalam Mata Pelajaran Umum (MPU), melaksanakan banyak perbincangan berkaitan institusi ini, mewujudkan pertandingan pidato atau syarahan, membuat kuiz untuk menguji kefahaman, mewujudkan pusat kajian untuk institusi beraja dan melaksanakan lebih banyak kempen kesedaran juga memperoleh nilai skor min tinggi melebih > 4.1.

JADUAL 4. Cara Terbaik Untuk Meningkatkan Tahap Pemahaman Mahasiswa Terhadap Kepentingan dan Peranan Institusi Raja-Raja Melayu

Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
<b>D1.</b> Menambah silibus dan topik dalam MPU	4	9	14	62	77	4.20	.974	Tinggi
<b>D2.</b> Memperbanyak penulisan melalui penerbitan akhbar majalah	4	3	10	67	82	4.33	.861	Tinggi
<b>D3.</b> Melaksanakan lebih banyak perbincangan	4	4	19	53	86	4.28	.933	Tinggi
<b>D4.</b> Menghadiri pameran institusi raja.	3	2	9	67	85	4.38	.798	Tinggi
<b>D5.</b> Mewujudkan pertandingan pidato/syarahan.	4	3	10	76	73	4.27	.849	Tinggi
<b>D6.</b> Mengikuti perkembangan di media sosial dan laman sesawang	4	3	10	68	81	4.32	.860	Tinggi
<b>D7.</b> Program dan dokumentari melalui televisyen.	3	1	6	61	95	4.47	.760	Tinggi
<b>D8.</b> Lawatan sambil belajar.	5	1	8	52	100	4.45	.864	Tinggi
<b>D9.</b> Melaksanakan kuiz menguji kefahaman.	7	3	10	71	75	4.23	.958	Tinggi
<b>D10.</b> Mewajibkan lulus subjek institusi raja.	7	12	29	51	67	3.96	1.119	Sederhana Tinggi
<b>D11.</b> Mewujudkan pusat kajian raja-raja.	6	3	23	62	72	4.15	.976	Tinggi
<b>D12.</b> Melaksanakan kempen kesedaran	5	5	11	67	78	4.25	.932	Tinggi

## ANALISIS & PERBINCANGAN


Kajian ini memfokuskan kepada pemahaman belia terutama mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap kepentingan dan peranan institusi raja. Secara keseluruhannya, terdapat tiga dapatan utama yang diperolehi daripada kajian ini. Pertama, tahap pemahaman mahasiswa UPSI berkenaan kepentingan dan peranan institusi raja-raja berada pada tahap tinggi di mana mahasiswa UPSI cakna dan mempunyai pengetahuan umum yang berkaitan institusi raja-raja Melayu. Antara pernyataan umum yang diketahui oleh mahasiswa UPSI ini ialah sultan atau yang dipertua merupakan pemerintah tertinggi dan berkuasa di negeri masing-masing, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai Ketua Agama Islam dan YDPA juga bertanggungjawab memperkenankan undang-undang yang diusulkan dalam parlimen. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Ramlah & Normaizatul Akmar (2013) dan Khairul Hamimah & Faridah (2017) yang menunjukkan bahawa golongan muda, khususnya belia memahami konsep dan amalan institusi raja dan pada masa yang sama mereka tahu tentang kepentingan untuk menghormati institusi ini.

Mahasiswa UPSI cenderung untuk mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang institusi raja adalah kerana kebanyakan mahasiswa UPSI ini adalah lepasan STPM yang mengambil mata pelajaran Pengajian Am sebagai subjek wajib. Sukatan mata pelajaran Pengajian Am ini memfokuskan kepada aspek sains sosial, kenegaraan, isu, dan cabaran semasa. Mata pelajaran ini juga menerapkan kesedaran tentang pengalaman manusia dan persekitarannya termasuk warisan sendiri. Selain itu, memupuk rasa cinta akan negara, tanggungjawab terhadap diri sendiri, orang lain, komuniti, dan masyarakat serta hormat terhadap budaya dan masyarakat lain (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Selain itu, mahasiswa UPSI diperingkat Ijazah Sarjana Muda juga diwajibkan untuk mengambil kursus Pengajian Kenegaraan sebagai salah satu prasyarat untuk bergraduat. Kursus Kenegaraan telah diperkenalkan sejak 1980-an sebagai kursus wajib di kebanyakan universiti awam, dan institusi pengajian tinggi swasta, yang adakalanya dirujuk sebagai kursus 'Pengajian Malaysia' (Zaid Ahmad et al., 2010). Tujuan utama kursus ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme dan mewujudkan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab sosial kepada negara menerusi pengetahuan tentang asas sejarah, pembentukan negara-bangsa dan hal ehwal negara. Kajian Norhafiza (2019) mendapati bahawa mahasiswa yang mengambil kursus Pengajian Kenegaraan mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi tentang politik berbanding dengan mereka yang tidak mengikuti kursus ini. Melalui kursus ini, golongan belia terutamanya mahasiswa akan dapat mendepani banyak cabaran-cabaran masa depan yang berlaku akibat transformasi politik, ekonomi dan identiti kebangsaan. Memandangkan kursus ini telah lama diperkenalkan dalam kurikulum di UPSI, maka ramai mahasiswa UPSI yang cakna tentang kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu.

Dapatkan utama yang kedua meneliti tentang faktor-faktor yang mendorong mahasiswa UPSI untuk memperoleh pemahaman yang tinggi tentang kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu. Faktor utama yang mempengaruhi tingkat pengetahuan mahasiswa UPSI terhadap institusi raja ialah dokumentasi atau bahan bacaan berkaitan institusi ini seperti buku perlumbagaan. Dalam buku Perlumbagaan Persekutuan telah diperincikan bidang kuasa dan peranan institusi raja, khususnya YDPA dan Majlis Raja-raja Melayu. Menurut Raja Nazrin Shah (2013), 19 dari 183 Perkara di dalam Perlumbagaan Persekutuan adalah berkait dengan Raja dan kepentingannya dalam pentadbiran negara. Selain itu, institusi pendidikan, termasuk sekolah dan universiti juga memainkan peranan besar dalam menyumbang kepada pengukuhan pemahaman belia tentang institusi raja. Jika dianalisis, kebanyakan pelajar di Malaysia mendapat pendedahan awal tentang kepentingan institusi diraja sejak di bangku sekolah menerusi mata pelajaran Sejarah.

Kini, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah seawal usia 10 tahun. Malah, satu topik berkaitan Institusi raja Payung Negara yang mengandungi kepentingan institusi raja Melayu juga dimasukkan di dalam silibus Sejarah tahun 5. Selain Sejarah, silibus di dalam mata pelajaran wajib Pengajian Am bagi tingkatan 6 juga turut memfokuskan tentang kenegaraan termasuk bidang kuasa institusi raja. Faktor lain yang turut berperanan besar dalam mempengaruhi pemahaman mahasiswa UPSI terhadap institusi raja ialah dokumentari khas tentang YDPA dan institusi raja Melayu yang ditonton di televisyen. Antara dokumentari-dokumentari khas yang pernah disiarkan di media perdana ialah *Menjunjung Kasih Tuanku* (Bernama TV), *Daulat Tuanku: Raja dan Rakyat Berpisah Tiada* (TV3), dan *Raja Payung Negara* (RTM). Meskipun generasi muda kini lebih banyak menggunakan media sosial bagi mendapatkan maklumat politik, namun kajian Mohd Sobhi et al. (2016) mendapatkan bahawa belia mempunyai tabiat menonton yang tinggi kepada media, khususnya televisyen berbanding dengan kelompok lain. Oleh itu, tontonan televisyen masih lagi diperlukan bagi menyampaikan informasi kepada belia terutamanya apabila wujud isu yang memerlukan perhatian segera.

Bagi objektif ketiga iaitu mekanisme terbaik dalam meningkatkan pemahaman belia, khususnya mahasiswa terhadap institusi raja, dua mekanisme utama yang diperolehi menerusi kajian ini iaitu media dan pendidikan. Secara lebih khusus, kajian ini membangunkan satu model mekanisme terbaik bagi meningkatkan pemahaman mahasiswa IPT terhadap institusi raja Melayu. Model ini penting bagi memastikan belia, khususnya mahasiswa mempunyai pengetahuan tinggi yang konsisten dalam memahami peranan dan kepentingan institusi raja-raja Melayu. Model mekanisme terbaik bagi memperkuatkkan pemhamaman belia Malaysia tentang kepentingan dan peranan institusi diraja boleh dirujuk di dalam Rajah 1.



Rajah 1. Model Mekanisme Terbaik Meningkatkan Pemahaman Belia terhadap Kepentingan dan Peranan Institusi raja-raja Melayu

Rajah 1.0 menunjukkan dua mekanisme terbaik yang perlu diberi perhatian. Pertama, peranan yang dimainkan oleh media, sama ada media konvensional seperti televisyen dan akhbar serta media sosial. Dalam konteks media, antara langkah-langkah yang perlu diambil dalam meningkat pemahaman tentang kepentingan institusi raja di Malaysia adalah menerusi siri dokumentari yang disiarkan kepada umum menerusi media.

Dokumentari ini penting bagi memaparkan kedudukan, sejarah, dan peranan institusi raja dalam masyarakat. Di Malaysia, institusi raja atau Kesultanan Melayu memiliki sejarah panjang yang berakar kuat dalam budaya dan politik negara. Institusi ini dilihat sebagai simbol perpaduan, dengan peranan yang telah berevolusi dari masa ke masa untuk menyesuaikan diri dengan kerangka Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Selain itu, hebahan dan perkongsian maklumat secara berterusan berkaitan institusi raja di platform media sosial seperti *Instagram*, *Twitter*, *Facebook* dan *TikTok* juga sangatlah digalakkan untuk memberi pengetahuan kepada belia. Kandungan atau ciapan media sosial yang sesuai untuk menarik perhatian belia dan menjadikannya viral, menurut West (2011), perlu memasukkan ciri-ciri seperti elemen ketawa atau *humor*, elemen kejutan, elemen ironi, kehadiran minoriti etnik, dan kualiti muzik. Selain media sosial, penulisan mengenai institusi raja juga perlu diperbanyakkan di ruangan akhbar dan majalah. Ini kerana ada kalanya belia lebih tertarik untuk membaca penulisan kreatif yang tidak berunsurkan akademik. Oleh itu, penulisan berkaitan institusi raja, meskipun topik yang berat dan serius, boleh juga disampaikan dalam gaya penulisan yang lebih santai.

Dalam konteks pendidikan pula, salah satu langkah penting yang boleh dilakukan oleh guru atau institusi pendidikan ialah dengan melaksanakan pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning). Pembelajaran melalui pengalaman adalah pendekatan pendidikan yang melibatkan pelajar dalam aktiviti praktikal dan mendorong mereka untuk menginterpretasikan dalam satu situasi yang sebenar dan bersesuaian (Brookfield, 1983). Bagi merasai pengalaman sebenar, pelajar boleh dibawa melawat ke istana atau muzium diraja. Ini adalah salah satu cara untuk menjadikan pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna. Selain itu, pihak-pihak terlibat seperti Muzium, Arkib, Jabatan Warisan, Istana Negara, Pusat Kajian Institusi raja Melayu, boleh mengadakan pameran-pameran berkala berkaitan dengan institusi raja untuk dihadiri oleh pelajar. Langkah terakhir yang boleh dilaksanakan dalam konteks pendidikan ialah penerapan tentang isu ini di dalam silibus-silibus di sekolah dan IPT, mengadakan program-program kesedaran dan kuiz bagi meningkatkan pengetahuan belia tentang institusi diraja (Bernama, 2015, Februari 27). Pendekatan menerusi media dan pendidikan ini, jika digabungkan akan menggalakkan penglibatan aktif belia bersama dengan institusi raja, sekali gus menghasilkan pemahaman yang tinggi dalam kalangan masyarakat, khususnya belia Malaysia.

Selain itu, Malaysia boleh mengambil contoh negara-negara lain sebagai praktis amalan terbaik (best practices) dalam usaha inovatif meningkatkan pemahaman masyarakat. Misalnya, di United Kingdom, monarki adalah institusi yang sangat signifikan dalam kehidupan rakyat, bukan melalui kuasa politik secara langsung, tetapi sebagai simbol identiti nasional. Monarki British menggunakan pelbagai platform, termasuk media sosial dan penglibatan awam, untuk berhubung dengan masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan sukarela di seluruh negara. Penyertaan aktif keluarga diraja dalam acara komuniti dan kehadiran mereka di platform seperti *Instagram* menekankan kemampuan mereka untuk kekal relevan dan mudah diakses oleh generasi muda.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menyelidiki pemahaman belia, khususnya mahasiswa UPSI terhadap kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu menerusi pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 332 mahasiswa UPSI. Hasil kajian ini merumuskan dapatan utama iaitu mahasiswa UPSI tahu dan faham tentang kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh institusi raja-raja Melayu di Malaysia. Pemahaman yang tinggi ini

didorongi oleh beberapa faktor iaitu dokumentasi dan bahan bacaan sedia ada seperti buku Perlembagaan, mata pelajaran wajib di sekolah dan institusi pengajian tinggi seperti Sejarah, Pengajian Am dan Pengajian Kenegaraan serta tayangan dokumentari berkaitan institusi raja. Bagi memastikan pemahaman mahasiswa sentiasa kekal tinggi, dua mekanisme penting perlu dilaksanakan iaitu menerusi hebahan dan perkongsian maklumat di media termasuk media massa dan media sosial, serta peranan pendidikan menerusi pembelajaran berdasarkan pengalaman, pameran, program kesedaran dan kuiz.

Penghasilan kajian ini memberikan sumbangan besar kepada pelbagai pihak. Pertama, kajian ini boleh menjadi panduan kepada kerajaan bagi menilai tahap pemahaman masyarakat terutama mahasiswa berkaitan kepentingan dan peranan institusi beraja. Oleh itu, tindakan segera boleh diambil bagi mengatasi persepsi masyarakat terhadap institusi diraja. Kedua, sumbangan dalam aspek pembangunan belia juga amat penting dan mampu membuka ruang kepada penglibatan belia secara langsung dalam usaha mengangkat dan mempertahankan imej institusi beraja di Malaysia. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada kajian akan datang berkaitan dengan kepentingan dan peranan institusi raja-raja Melayu di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kajian yang dilaksanakan ini hanya tertumpu kepada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris sahaja dan sukar digeneralisasikan kepada belia lain. Oleh itu, kajian lanjutan boleh meluaskan skop dan skalanya dengan meliputi seluruh IPTA dan IPTS yang terdapat di Malaysia. Selain itu, kajian akan datang juga boleh membandingkan negara-negara, misalnya seperti Thailand atau United Kingdom yang mengamalkan pemerintahan beraja seperti Malaysia. Selain itu, kajian akan datang boleh mengaplikasikan pendekatan berbeza dengan kajian ini iaitu menggunakan kaedah kualitatif atau campuran.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan dari Geran Penyelidikan Peradaban dan Warisan Melayu (Kod: 2021-0009-106-01) yang bertajuk *Kedudukan dan Peranan Institusi raja-raja Melayu dari Perspektif Belia di Perak* dan Geran Penyelidikan Universiti berteraskan Pendidikan (Kod: 2020-0055-107-01) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

#### RUJUKAN

- Abdul Aziz, B. (2015). *Perlembagaan Malaysia asas-asas dan masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bernama. (2015, Februari 27). Perkenalkan subjek institusi raja-raja di sekolah dan universiti. *Buletin Awani*. <https://www.astroawani.com/beritamalaysia/perkenalkan>
- Brookfield, S. D. (1983). *Adult Learning, Adult Education and the Community*. Milton Keynes: Open University Press.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Hanum, H., & Nurul Ashikin, A. H. (2020). *Raja dan rakyat berpisah tiada*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hanum, H., Razali, H. A., & Azuddin, B. (2014). Reaksi generasi Y terhadap isu menghina raja: Kajian ke atas pelajar IPT. *Prosiding seminar institusi raja (SIRaj II)*: Seminar Raja dan kerajaan Perlis. <https://www.researchgate.net/publication/263352999>

- Khairul Azhar, M., Adam, B., & Ahmad Faqih, I. (2020). Pengaruh 3R (Race, Religion, Royalty) terhadap keharmonian masyarakat di Malaysia era Revolusi Industri 4.0. E-Prosiding SHIS X 2020. *Seminar Hukum Islam Semasa ke-10 peringkat Antarabangsa 2020*, 17-18 November 2020, Universiti Malaya.
- Khairul Hamimah, M. J., & Faridah, C. H. (2017). Kajian persepsi dan rasa hormat mahasiswa terhadap Institusi raja-Raja di Lembah Klang. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan Institut Penyelidikan Pembangunan Pembangunan Belia 2017 (YOURS'17)*, 1–14.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). 900 Pengajian Am. <https://www.mpm.edu.my/stpm/sukatan-peperiksaan>.
- Mohd Sobhi, I., Awan, I., Bakri, M., Azahar, K., Shariffah, M., & Norati'qah, T. (2016). Pengaruh televisyen dan media sosial terhadap golongan belia di Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan IYRES 2016*.
- Mohd Sufiean, H. (2013). Melaka prihatin isu Institusi raja-Raja Melayu dalam doktrin Raja Berpelembagaan negara. Melaka hari ini, *Rencana 1 Julai 2013*, 17-18.<https://melayu.library.uitm.edu.my/3133/>
- Muhamad Ali, E & Ahmad Faiz, A. H. (2005). Kepercayaan mahasiswa terhadap kerajaan. *Journal Demokrasi*, 4(1), 77-91.
- Nazri, M. (2013). Peranan institusi raja-raja Melayu menurut perlembagaan dalam memelihara kedudukan Islam dari perspektif Pendidikan Sejarah. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013*, UMS, 29-30 Ogos 2013. <https://www.ums.edu.my/fpp/images/stories/Document/SPSG2013>
- Neundorf, A., & Smets, K. (2015). Political socialization and the making of citizens', *Oxford Handbook Topics in Politics*. Oxon: Oxford Academic.
- Norhafiza, M. H. (2019). Kepentingan kursus Pengajian Kenegaraan dalam menggalakkan penglibatan politik belia Malaysia: Kajian di UPSI. *Malaysian Journal of Youth Studies Edisi Khas YOURS19 Vol 1*.
- Nur Amalina, S., Magdalena, S., & Kennedy, I. (2024). A focus on 3R dynamics (Royal, Religion, Race): Analysing news priming and social media sentiment via Facebook. *Journal of Media and Information Warfare*, 17(1), 28-43.
- Raja Nazrin Shah. (2013). Perlembagaan dan Islam: Peranan Institusi raja, Titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. *Seminar Institusi raja*, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2013.
- Ramlah, A., & Noormaizatul Akmar. (2013). Persepsi dan pengetahuan rakyat terhadap Institusi raja Malaysia. Satu kajian kes di Perlis dan Kedah. *Kertas Seminar Institusi raja (SIRaj II)*: Seminar Raja dan Kerajaan, 12 hingga 13 Jun 2013 bertempat di Universiti Perlis. [http://dspace.unimap.edu.my/bitstream/handle/123456789/35706/SirajII\\_8\\_91](http://dspace.unimap.edu.my/bitstream/handle/123456789/35706/SirajII_8_91)
- Rositah, K. (2023). Menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, bangsa, dan institusi raja (3R) dalam politik melalui pendekatan undang-undang: Suatu penilaian semula. *Journal of Law & Governance*, 5(1), 86-104.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sidek Baba. (2012, 24 September). Pentingnya subjek Sejarah diperkasa. *Utusan Malaysia*, 2.

- Wan Amizah, W. M., & Muhammad Adnan, P. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan Raja-Raja di media sosial. *Jurnal komunikasi Jilid 33(1)*, 406-422. <http://jurnalarticle.ukm.my/10556/1/17014-49270-4-PB.pdf>
- West, T. (2011). Going viral: Factors that lead videos to become internet phenomena. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, 2(1), 76-84.
- Zaid Ahmad., Sri Rahayu., & Ahmad Tarmizi. (2010). Pengajian umum: Pengalaman Universiti Putra Malaysia. *SEA Journal of General Studies*, 11, 131-145.
- Zulayti, Z., Ang, K. H., Jamru, L. R., & Jambol, D. J. A. (2022). Kuasa Raja-Raja Melayu dulu dan kini: Analisis bandingan dari sudut Sejarah dan Perundangan. *International Journal of Law, International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (30), 51-65.

Norhafiza Mohd Hed (Penulis koresponden)  
Jabatan Pengajian Malaysia  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Emel: [norhafiza@fsk.upsi.edu.my](mailto:norhafiza@fsk.upsi.edu.my)

Mohd Aidil Azrel Zaabar  
Jabatan Pengajian Malaysia  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Emel: [aidilzaabar97@gmail.com](mailto:aidilzaabar97@gmail.com)

Nurul Firdauz Abd Rahman  
Jabatan Pengajian Malaysia  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Emel: [firdauz@fsk.upsi.edu.my](mailto:firdauz@fsk.upsi.edu.my)

Nur Azean Abd Rahim  
Jabatan Pengajian Malaysia  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Emel: [azean.rahim@fsk.upsi.edu.my](mailto:azean.rahim@fsk.upsi.edu.my)